

\$131 juta bagi bekalkan buku ke sekolah2

— Dr. Mahathir

ALOR SETAR, 30 Jan. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini bahawa Kementerian Pelajaran membelanjakan kira-kira \$131 juta bagi membekalkan buku di bawah skim pinjaman buku teks sehingga tahun depan.

Skim tersebut yang dilancarkan dalam tahun 1975 memberi pinjaman buku-buku teks percuma kepada semua murid sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan juga kepada mereka yang layak di Sekolah-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah-sekolah menengah.

Beliau menegaskan skim itu merupakan rancangan kerajaan yang penting untuk menentukan semua murid tidak kira miskin atau kaya mendapat pelajaran yang lebih sempurna dan dengan itu menghadkan berlakunya keciciran.

"Saya sengaja menyebutkan angka perbelanjaan ini supaya rakyat sedar betapa bersungguhnyanya kerajaan bertindak untuk memajukan kehidupan rakyat melalui pelajaran terutama di luar-luar bandar dan kepada mereka yang kurang mampu," tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan bangunan tambahan yang menelan belanja sebanyak \$140,000 bagi Sekolah Rendah Kebangsaan Guar Kepayang 16, batu ke tenggara bandar ini.

Seterusnya Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa sekolah-sekolah yang indah tidak akan bertambah maju jika tidak ada penglibatan dan kerjasama yang rapat antara guru-

guru, ibubapa dan murid-murid secara bersungguh-sungguh, ikhlas serta penuh bertanggungjawab.

Usaha-usaha yang padat dan tersusun berasaskan kerjasama dan persefahaman di antara semua pihak adalah diperlukan, tegasnya.

Katanya, walaupun kemajuan pelajaran yang telah dicapai sehingga masa ini sangat membanggakan tetapi masih banyak lagi yang boleh dilakukan untuk mencapai kemajuan yang lebih tinggi dan bermakna.

Di sinilah letaknya tanggungjawab Persatuan Ibubapa dan Guru-Guru (PIBG) untuk mencari jalan supaya suasana kerjasama yang berasaskan persefahaman itu sentiasa berkekalan," tegasnya.

"PIBG yang cekap dan mempunyai kepimpinan yang baik dapat mengadakan asas tersebut dan dapat terus berusaha menjalinkan kerjasama bagi kemajuan pelajaran yang lebih tinggi," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.

Di samping itu ibubapa, sekolah dan masyarakat perlulah menyatukan tenaga dan bekerjasama untuk membangunkan negara berasaskan kepada nilai-nilai yang positif dan membangun.

Pihak kerajaan, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, akan terus berusaha membuat rancangan membangunkan negara sehingga segala matlamat tercapai.

Katanya kerajaan akan terus mengkaji dan memajukan rancangan pelajarannya kerana kerajaan percaya pelajaran, terutama pelajaran di bidang sains dan teknologi, merupakan alat terpenting untuk membangunkan ekonomi sesebuah negara termasuk Malaysia yang sedang pesat membangun ini.